



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS FAKTOR TERHADAP PERUBAHAN TENUNAN SONGKET DI KAMPUNG BUKIT PAYONG, TERENGGANU



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANNIS SUHAILE BINTI CHE ANI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneroka perubahan tenunan songket di Kampung Bukit Payong, Terengganu sejak tahun 1726. Perubahan tersebut dilihat dari aspek fungsi, peralatan, budaya, sosial, motif dan ragam hias songket tenun. Pendekatan kualitatif telah digunakan dalam kajian ini. Kaedah pengumpulan data melibatkan temu bual dan pemerhatian. Temu bual melibatkan lima orang informan yang dipilih secara rawak berdasarkan latar belakang, pengalaman dan kemahiran dalam bidang tenunan songket. Sesi temu bual dijalankan secara tiga peringkat. Pemerhatian pula melibatkan analisis terhadap motif songket. Dapatan kajian menunjukkan berlakunya perubahan dalam tenunan songket. Perubahan tersebut berlaku kerana beberapa faktor yang meliputi permintaan, persekitaran, sosiobudaya dan *trend* masa kini mengikut cita rasa penggemar songket. Faktor perubahan berlaku disebabkan oleh pengaruh modenisasi. Walau bagaimanapun songket tenun masih mendapat tempat di hati penggemar songket Melayu. Implikasi daripada kajian ini memperlihatkan pengekal tradisi songket memerlukan semua pihak memainkan peranan dan fungsi mereka secara cekap dan berkesan. Dalam menjaga songket sebagai warisan budaya kita, perubahan tidak dapat dielakkan untuk memastikan kelestarian tenunan songket dapat dipelihara.





FACTOR ANALYSIS ON THE CHANGES OF SONGKET WEAVING IN KAMPUNG BUKIT PAYONG, TERENGGANU

ABSTRACT

This study aims to explore the changes of songket weaving in Kampung Bukit Payong, Terengganu since the year 1726. The change was viewed from the perspective of its functions, equipment, culture, social, motif, and the decorative aspect of the songket weaving. Qualitative approach was used in this study. Method of data collection involved interviews and observations. The interviews were conducted among five informants that were randomly selected based on their background, experience and skills in the field of songket weaving. The interview session were conducted in three stages. The observation involved analysis of motif for songket. The findings indicated that there were changes in songket weaving. These changes occurred because of a number of factors that included demand, environmental, socio-cultural and current trend according to songket fans' taste. The change factors occurred due to the influence of modernization. However, woven songket has still got a place in the hearts of Malays who fancied songket. The implication of this study indicated the preservation of songket tradition requires all parties to play their roles and functions effectively and efficiently. In order to safeguard songket weaving as our cultural heritage, change is inevitable to ensure sustainability of songket weaving is preserved.



ISI KANDUANGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	iv
JADUAL KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI GAMBAR	x
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Permasalahan Kajian	5
1.2 Objektif Kajian	9
1.3 Persoalan Kajian	9
1.4 Kerangka Konseptual	10
1.5 Kepentingan Kajian	18
1.6 Limitasi Batasan	19
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	21
2.0 Definisi Songket	24

2.1	Perkembangan Tenunan Songket	25
2.2	Alat Tenunan Songket	32
2.3	Bahan Asas Tenunan Songket	37
2.4	Struktur Tenunan Kain Songket	40
2.5	Reka Corak Motif Tenunan Songket	43
2.6	Simbol dalam Tenunan Songket	54
2.7	Fungsi Tenunan Songket	56
2.8	Budaya Masyarakat Melayu	60
2.9	Kesimpulan	63

BAB 3 METODOLOGI 65

3.1	Lokasi Kajian	66
3.2	Reka Bentuk Kajian	66
3.3	Proses Pengumpulan Data Kajian	70
3.4	Temu Bual	72
3.5	Pemerhatian	75
3.6	Etika dalam Kajian	76
3.7	Informan Kajian	77
3.8	Kaedah Analisis Data	79
3.9	Kesimpulan	81

BAB 4 ANALISIS DAPATAN KAJIAN 83

4.1	Analisis Data Kajian	85
4.2	Latar belakang Informan	86

4.2.1	Puan Ramlah	87
4.2.2	Encik Latif	87
4.2.3	Puan Zabidah	88
4.2.4	Puan Fatimah	88
4.2.5	Puan Samsiah	89
4.3	Latar Belakang Organisasi	90
4.3.1	Muzium Negeri Terengganu	90
4.3.2	Perbadanan Kraftangan Cawangan Negeri Terengganu	92
4.4	Penganalisaan Hasil Dapatan Kajian	93
4.4.1	Perkembangan Tenunan Songket di Kampung Bukit Payong, Terengganu	94
4.4.2	Penglibatan Masyarakat dalam Aktiviti Tenunan Songket di Kampung Bukit Payong, Terengganu	98
4.4.3	Motif dan Ragamhias Tenunan Songket di Kampung Bukit Payong, Terengganu	103
4.4.4	Hubungan Tenunan Songket dalam kehidupan Masyarakat Melayu di Kampung Bukit Payong, Terengganu	111
4.4.5	Fungsi dan Peranan Tenunan Songket Kini	115
4.4.6	Perubahan Tenunan Songket	117
4.7	Penutup	125



BAB 5 KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN	126
5.2 Kesimpulan Kajian	127
5.3 Cadangan Kajian Lanjutan	132
5.3 Penutup	133
RUJUKAN	134
LAMPIRAN	140



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Struktur dan fungsi kei	33
2.2	Sumber bahan pewarna yang digunakan untuk mewarna benang	39
2.3	Motif tenunan songket	46
2.4	Motif-motif pada tenunan songket	48

**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Aspek yang mempengaruhi tekstil Melayu	11
1.2	Ekologi budaya dalam tenunan songket	12
1.3	Venn-diagram perubahan tenunan songket	13
1.4	Lima bahagian dalam fungsi masyarakat	15
2.1	Perkembangan tamadun di Asia	27
2.2	Perhubungan awal dunia Melayu	28
2.3	Pengaruh aliran tenunan songket	30
2.4	Struktur kei tenun	32
2.5	Peralatan untuk menenun	33
2.6	Alat menerai benang	35
2.7	Alat anian	36
2.8	Warna yang digunakan dalam tenunan songket	37
2.9	Struktur sarung songket	41
2.10	Songket dengan pelbagai corak dan motif	41
2.11	Struktur songket- sarong	42
2.12	Struktur songket-kain panjang	43
2.13	Aliran motif tenunan songket	45
2.94	Proses reka bentuk dalam sesuatu penghasilan tenunan songket	52
3.1	Lokasi kajian	66
3.2	Aliran reka bentuk kajian pengkaji sebelum dan selepas kajian	68
3.3	Proses pengumpulan data	70
3.4	Analisis dapatan kajian	81
4.1	Proses Aliran Analisis Kajian	84
4.2	Analisis Dapatan Data Kajian	85





SENARAI GAMBAR

No. Gambar		Muka Surat
2.1	Ragam hias motif songket yang diilhamkan dari batik	51
2.2	Ragam hias motif songket yang diilhamkan dari batik	51
2.3	Ragam hias motif songket yang diilhamkan dari batik	53
4.1	Kei tenun	97
4.2	Motif flora berasaskan ilham motif bunga bogan, tampuk kesemak dan tampuk manggis	104
4.3	Lakaran motif songket pada kertas graf	105
4.4	Motif songket flora	106
4.5	Corak bunga penuh	108
4.6	Corak bunga tabor	109
4.7	Susun bercorak	109
4.8	Motif pucuk rebung	110
4.9	Kei tenun	118
4.10	Alat anian	119
4.11	Alat melerai benang	119
4.12	Ragam hias motif songket yang diilhamkan dari batik	122
4.13	Ragam hias motif songket yang diilhamkan dari batik	123





BAB 1

PENDAHULUAN



Perkembangan tenunan songket mula bertapak pada awal abad ke-13 Masihi di kawasan Pantai Timur iaitu Terengganu, Pahang dan Kelantan dengan kemasukan kain patola atau cindai. Seterusnya, perkembangan tenunan songket berkembang ke Tanah Melayu dengan kemasukan benang dan mesin tenun. Kebanyakan pengusaha dan penenun songket majoritinya masyarakat Melayu (Samat Buang, 2007) dan pembuatan tenunan songket banyak dipelopori oleh rakyat biasa (Perpustakaan Negara Malaysia, 2007). Di Kampung Bukit Payong, Terengganu, kebanyakan penenun songket terdiri daripada masyarakat Melayu. Golongan wanita di Kampung Bukit Payong, Terengganu mempunyai kemahiran dalam menenun songket.





Menurut Sulaiman Zakaria (2007), tenunan songket telah bertapak dan berkembang di Pantai Timur iaitu negeri Terengganu dan Kelantan. Di Terengganu, perkembangan tenunan songket mula bertapak di sekitar Kuala Terengganu. Siti Zainon Ismail (1986), menjelaskan Mukim Losong, Mukim Cabang Tiga, Kampung Bonggol, Kuala Ibai dan Cendering merupakan pusat utama penghasilan tenunan songket. Seterusnya perkembangan tenunan songket mula berkembang pesat di sekitar kawasan Kuala Terengganu dan daerah lain. Di perkampungan Bukit Payong, Terengganu terdapat beberapa penenun songket yang bergiat aktif dalam aktiviti menenun songket. Mereka mewarisi kemahiran menenun songket secara turun temurun daripada ibu mereka yang dahulunya seorang penenun songket.

Syed Ismail Syed Mustapa dan Ahmad Subki Maskon (2010), menjelaskan terdapat perbezaan budaya antara masyarakat dengan masyarakat yang lain. Manusia itu sendiri yang membentuk budaya dan mengembangkan budaya dan seterusnya akan mengikut perkembangan masyarakat itu sendiri. Menurut Tubbs dan Moss (1996), budaya adalah suatu cara hidup yang berkembang dan dimiliki bersama oleh sesebuah kelompok masyarakat dan diwariskan dari generasi ke generasi. Bagi Syed Ismail Syed Mustapa dan Ahmad Subki Maskon (2010), menyatakan budaya merupakan warisan sosial manusia, cara pemikiran, perasaan dan tingkah laku yang boleh diwarisi.

Tenunan songket memerlukan kepakaran dan kemahiran yang tinggi dalam penghasilannya. Lebih 200 tahun yang lalu, masyarakat Melayu desa mahir dengan teknik pintalan benang sutera dan kapas menggunakan tangan. Teknik ini diaplikasikan secara turun temurun daripada generasi ke generasi yang seterusnya.





Evolusi dalam industri tenunan songket telah berubah mengikut persekitaran dan kebudayaan masyarakatnya (Diyana Rose Kamalludeen, 2009). Penghasilan motif dan corak pada tenunan songket banyak memaparkan kehalusan dan kesenian masyarakat Melayu lama. Pembentukan kebudayaan masyarakat dahulu dapat diperlihatkan melalui kehalusan seni tenunan yang dihasilkan oleh penenun songket itu sendiri. Tenunan songket di Kampung Bukit Payong, Terengganu tidak terkecuali daripada berlakunya perkembangan dan perubahan dalam tenunan songket. Perubahan ini berlaku mengikut persekitaran dan cita rasa pelanggan. Kepelbagaian fungsi songket serta kegunaan telah berubah mengikut keperluan semasa. Tenunan songket bukan sekadar berperanan sebagai pakaian tradisional Melayu tetapi sebagai lambang kesenian dan kebudayaan masyarakat Melayu.



(2006), menyatakan penggunaan songket dapat memperlihatkan kesinambungan pengaruh terhadap dua unsur utama yang telah menyerap masuk melalui perkembangan sejarah dan budaya. Songket merupakan pakaian yang melambangkan simbol kebesaran dan menjadi pakaian adat kesenian. Keindahan pada tenunan songket telah mempamerkan budaya Melayu yang agung dan dapat membuktikan keindahan pakaian tradisional Melayu.

Tekstil Melayu juga diertikan sebagai kraftangan yang dihasilkan atau dipakai oleh kelompok masyarakat Melayu sebagai bahan kelengkapan pakaian harian atau dalam acara adat, misalnya kain tenun Bugis. Walaupun pada asalnya dirujuk pada kain tenunan yang dihasilkan oleh tukang Bugis, tetapi konteks budaya Melayu serantau juga turut dipakai atau dihasilkan di Terengganu, Kelantan, Pahang, Minangkabau dan Aceh.

(Siti Zainon Ismail, 1995, m.s. 3)





Sesuatu budaya mempunyai kaitan dengan tindakan yang boleh dipelajari daripada sesuatu fenomena serta dikaitkan dengan sejarah yang mempunyai tujuan dan makna bagi sesebuah masyarakat. Budaya merupakan sesuatu yang boleh diubah dan sentiasa menerima perubahan (Mohd Taib Osman & A. Azizi Deraman, 2000). Menurut Samat Buang (2007), penghasilan tenunan songket telah diadaptasi dengan menggunakan kemahiran dan teknologi tinggi berasaskan komputer dan mesin berteknologi tinggi bagi menghasilkan tenunan songket.

Kemahiran teknologi merupakan sebahagian daripada kebudayaan masyarakat Melayu dalam penghasilan tenunan songket (Ku Zam Zam 1989). Walau bagaimanapun penghasilan tenunan songket di Kampung Bukit Payong, Terengganu masih mengekalkan keaslian tenunan menggunakan kei tenun.



Menurut Trenholm dan Jensen (1996), budaya ialah kumpulan nilai-nilai, kepercayaan, norma-norma dan adat-adat, peraturan-peraturan serta kod-kod yang mentakrifkan dari segi sosial kumpulan manusia serta terikat antara satu sama lain. Menurut Amir Hasan Dawi (1999), budaya secara ringkasnya merujuk kepada ciri-ciri dan hasil tingkah laku yang dipelajari oleh sekumpulan manusia daripada persekitaran sosialnya. Budaya sebagai warisan sosial manusia, cara pemikiran, perasaan dan aksi-aksi yang dipindahkan daripada generasi ke generasi merangkumi budaya material dan bukan material.

Dalam konteks tamadun, tenunan songket mencerminkan kehidupan sesebuah masyarakat yang meliputi aspek-aspek seperti lahiriah, batiniah dan kebendaan. Tenunan songket merupakan tinggalan dan warisan lalu yang telah menunjukkan





bukti terhadap pencapaian peradaban Melayu (Ismail Hussein, A. Aziz Deraman & Abd. Rahman Al-Ahmadi, 1993). Tenunan songket merupakan cerminan kebudayaan yang menggambarkan cara hidup seseorang dalam sesebuah masyarakat yang merangkumi bidang kehidupan, pengetahuan, kepercayaan, kesenian, undang-undang, norma, adat istiadat, dan apa jua cara hidup manusia sekeliling (Mustapha Ahmad Marican, 2001). Tenunan songket di Kampung Bukit Payong, Terengganu telah memperlihatkan kebudayaan dan kesenian warisan lalu. Tenunan songket di Kampung Bukit Payong, Terengganu banyak dipengaruhi oleh corak persekitaran kehidupan masyarakat yang masih lagi mengekalkan kemahiran menenun songket.

1.1 Permasalahan Kajian



Di Kampung Bukit Payong Terengganu, kebanyakan penenun songket berumur lingkungan empat puluh tahun keatas. Kuantiti penenun songket di Kampung Bukit Payong juga berkurangan kerana generasi muda kurang berminat dalam menghasilkan tenunan songket. Faktor persekitaran kerjaya dan corak budaya kini telah berubah mengikut persekitaran semasa menyebabkan generasi muda kurang berminat mewarisi dan mempelajari kemahiran menenun songket daripada ibu mereka.

Budaya mempunyai hubung kaitnya antara masyarakat dan alam sekeliling. Pertumbuhan budaya dapat dilihat pada tenunan songket melalui kreativiti masyarakatnya. Menurut Ku Zam Zam (1989), Kemahiran teknologi, pengaruh budaya luar, agama serta kepercayaan merupakan faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan dan perubahan budaya sekeliling. Di Kampung Bukit Payong,





Terengganu juga tidak terkecuali dengan perubahan dari segi kemahiran dan teknologi dalam penghasilan motif. Perubahan ini selari dengan persekitaran sekeliling dan permintaan semasa.

Tenunan songket banyak memaparkan ciri-ciri keunikan sesebuah masyarakat Melayu. Selain itu juga, melalui motif songket dapat menggambarkan dan mencerminkan rasa budaya bangsa yang kaya dengan keindahan dan keunikan tersendiri. Walau bagaimanapun, pengaruh luar telah mempengaruhi perubahan dalam tenunan songket. Menurut Samat Buang (2007: 43), “pengaruh modenisasi yang berlaku turut membawa perubahan dalam pembuatan songket”.

Corak dan motif pada kain songket memaparkan ciri-ciri unik identiti orang Melayu. Ia mencerminkan cita rasa budaya bangsa yang hidup di alam persekitaran yang kaya dengan keindahan. Motif-motif tradisional kebanyakannya masih kekal hingga ke hari ini. Namun demikian, perubahan sentiasa berlaku selari dengan penggunaan kain songket yang meluas mengikut kesesuaian masa kini.

(Norwani Mohd. Nawawi, 2002, m.s. xiii)

Perubahan yang berlaku dalam tenunan songket selari dengan perkembangan semasa seolah-olah menghilangkan identiti asal songket. Jika tindakan yang bersesuaian tidak dilakukan, ini akan menjadikan kraf Melayu yang tinggi martabatnya ini dilupakan dan kehilangan kekuatannya.

Kepelbagaian fungsi dan kegunaan tenunan songket kini telah berubah mengikut cita rasa dan permintaan semasa. Tenunan songket telah melalui pelbagai perubahan. Perubahan tersebut meliputi fungsi dan peranan serta estetika tenunan songket itu sendiri. Namun demikian, perubahan tersebut tidak diiringi dengan





kesedaran dan pengetahuan masyarakat umum. Misalnya, tenunan songket menggambarkan cita rasa bangsa Melayu yang kaya dengan nilai-nilai estetika tetapi nilai-nilai tersebut tidak dapat dihayati sepenuhnya oleh kebanyakan orang. Di Kampung Bukit Payong, Terengganu, motif telah diadaptasikan daripada motif batik. Kepelbagaian warna yang ceria dihasilkan bagi menarik permintaan tenunan songket tangan.

Tenunan songket di Kampung Bukit Payong, Terengganu mengalami persaingan daripada tenunan songket mesin. Penenun-penenun songket terpaksa bersaing dengan tenunan songket mesin yang jauh lebih murah harganya dan penghasilan tenunan songket mesin mampu menghasilkan produk yang hampir sama dalam masa sehari. Kepelbagaian fungsi dan peranan tenunan songket yang dihasilkan bagi memasarkan dan memperkenalkan tenunan songket di Kampung Bukit Payong, Terengganu.

Norwani Mohd. Nawawi (2002), menyatakan songket melambangkan kemewahan. Motif tenunan songket dapat memperlihatkan kehalusan dan kesenian masyarakatnya. Fungsi tenunan songket pada masa dahulu ialah sebagai pakaian rasmi raja-raja Melayu. Ini adalah untuk membezakan golongan atasan dan bawahan. Persoalannya, berapa ramai orang yang sedar bahawa songket menjadi pakaian rasmi raja-raja Melayu? Hal ini disebabkan pada masa kini tenunan songket banyak digunakan dalam upacara tertentu seperti majlis perkahwinan dan majlis keramaian.

Hakikatnya, pemakaian songket berupaya mengangkat martabat si pemakai tetapi kerana kurang kesedaran tentang fungsi songket sebagai pengangkat martabat,





songket dipandang sebagai pakaian hiasan semata-mata. Keistimewaan songket sebagai pakaian dalam majlis keramaian dan kedudukannya yang tinggi dalam masyarakat Melayu tidak banyak diketahui kerana terdapat juga kalangan orang biasa yang memakai songket, cuma bukan untuk kegunaan sehari-hari. Kajian ini cuba meninjau kesedaran orang ramai terhadap kepentingan songket.

Tenunan songket juga kaya dengan maksud tersirat melalui motif-motif yang terdapat pada songket tersebut. Kepelbagaian motif tersebut yang menggambarkan pemikiran masyarakat Melayu yang tinggi dalam menyampaikan sesuatu maksud disanjung tinggi suatu masa dahulu. Namun demikian, arus permodenan telah menyebabkan kefahaman terhadap maksud-maksud yang terkandung dalam motif-motif songket telah terhakis.



pengaruh ini telah mula bertapak di negeri Terengganu semenjak 500 ataupun 600 tahun yang lalu iaitu sekitar abad ke-15 ataupun 16 Masehi. Ini bermakna kemahiran bertenun songket yang dipelajari dan diwarisi oleh penenun-penenun Terengganu pada waktu itu telah diadaptasi dalam jangka waktu yang panjang dan telah mengalami pelbagai arus perubahan.

(Zani Bin Ismail, 2004, m.s. 8 – 9)

Menyedari hakikat ini, betapa tenunan songket itu mempunyai makna dan fungsi yang bernilai, maka pendedahan tentang perubahan yang berlaku dalam tenunan songket ini akan menyerlahkan lagi fungsinya untuk generasi kini dan akan datang dalam mengenali tenunan songket. Kraf songket negara yang telah melalui satu perubahan, iaitu daripada penggunaan secara tradisional dalam konteks pakaian kepada pelbagai guna perlu diberi perhatian. Perubahan tersebut berlaku secara alamiah berasaskan kepada cita rasa dan keperluan ekonomi perlu diketengahkan





kerana perubahan tersebut tidak berlaku secara sedar itu boleh menghakis ketinggian nilai tenunan songket.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- 1.2.1 Mengenalpasti peranan dan fungsi tenunan songket di Kampung Bukit Payong, Terengganu.
- 1.2.2 Meninjau hubungan tenunan songket di Kampung Bukit Payong, Terengganu.
- 1.2.3 Meneroka perkembangan tenunan songket di Kampung Bukit Payong,



1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah:

- 1.3.1 Apakah peranan dan fungsi tenunan songket di Kampung Bukit Payong, Terengganu?
- 1.3.2 Bagaimanakah perkembangan tenunan songket di Kampung Bukit Payong Terengganu berlaku?
- 1.3.3 Mengapakah berlakunya perubahan pada tenunan songket di Kampung Bukit Payong, Terengganu?





1.4 Kerangka Konseptual


Menurut Sharulnizam Ramli (2009), terdapat tiga aspek utama yang mempengaruhi tekstil Melayu iaitu aspek sosial, aspek ekonomi dan aspek budaya. Aspek sosial ini melibatkan kepercayaan sesebuah kelompok masyarakat dan tahap pendidikan mereka terhadap sesuatu bidang. Ia memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk masyarakat yang berwawasan.

Walau bagaimanapun, aspek ekonomi juga merupakan salah satu penyumbang dalam membantu ekonomi tekstil Melayu. Melalui penghasilan produk tenunan songket, ianya boleh menjana sumber kewangan yang menjadi asas pendapatan masyarakat kini. Sumber pendapatan yang kukuh, membantu dalam perkembangan



Menurut Sharulnizam Ramli lagi, aspek dari segi budaya melibatkan kepelbagaian faktor dan amalan tradisi yang telah diadaptasikan dari zaman ke zaman. Secara tidak langsung, aspek budaya memainkan peranan terhadap kesinambungan songket Melayu.






Rajah 1.1. Aspek yang mempengaruhi tekstil Melayu (Sumber: Adaptasi daripada Sharulnizam Ramli, 2009)


Selain itu, persekitaran dan perubahan juga mempengaruhi sistem sosial setiap manusia. Ianya mengandungi perkaitan dan perhubungan antara satu sama lain dengan persekitaran alam dan fizikal. Antara faktor-faktor persekitarannya ialah teknologi dan informasi yang mempunyai potensi positif serta kreatif dalam proses-proses budaya (Tjetjep Rohendi Rohidi, 2009).





Rajah 1.2. Ekologi budaya dalam tenunan songket (Sumber: Tjetjep Rohendi Rohidi, 2009)

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan kepada pendekatan kerangka konseptual yang telah diutarakan oleh Sharulnizam Ramli (2009) dan Tjetjep Rohendi Rohidi (2009). Kerangka konseptual ini telah diadaptasi untuk diaplikasikan sebagai panduan dalam kajian perubahan tenunan songket di Kampung Bukit Payong, Terengganu. Hasil dari gabungan konsep, teori dan prinsip ini telah mewujudkan satu kerangka kajian yang dapat memberikan penjelasan terhadap perubahan tenunan songket.



Rajah 1.3. Venn-diagram perubahan tenunan songket

Berpandukan kepada *Venn-Diagram* tersebut, perubahan pada tenunan songket memperlihatkan faktor terhadap budaya, teknologi, dan ekonomi serta dipengaruhi oleh persekitaran sekeliling. Ketiga-tiga elemen tersebut merupakan komponen penting serta saling berkaitan antara satu sama lain bagi mewujudkan perubahan pada tenunan songkat.

Merujuk kepada budaya, ia meliputi aktiviti harian manusia yang berperanan membezakan kebudayaan sesebuah masyarakat tertentu. Menurut Rahim Syam dan Norhale (1985), budaya merangkumi aspek cara hidup yang diamalkan dalam





sesebuah masyarakat dan tindak balas terhadap sesuatu keperluan manusia dari segi kepelbagaian aspek cara serta gaya hidup sesebuah masyarakat (Malinowsky, 1944).

Syed Ismail dan Ahmad Subki (2010), menjelaskan perkataan budaya berasal daripada gabungan perkataan Sanskrit dan Melayu iaitu 'Budhi' dan 'Daya'. Budhi (Sanskrit) merujuk kepada kecerdasan fizikal dan akal. Pengertian ini menyatakan budaya ialah kecerdasan akal fikiran seseorang bagi menentukan tahap pemikiran sesebuah kelompok masyarakat dalam menangani sesuatu permasalahan dan mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan yang dihadapi. Daya (Melayu) ialah kekuatan kuasa, tenaga dan pengaruh yang membentuk secara semula jadi bagi membantu menjana pemikiran seseorang atau kelompok masyarakat. Oleh itu, budaya telah membentuk sistem kebudayaan sesebuah masyarakat yang merangkumi kehidupan dan keseluruhan cara hidup sesebuah kelompok masyarakat. Ianya meliputi hasil-hasil kehidupan sesebuah masyarakat yang bercorak kebendaan dan bukan kebendaan.

Dalam kebudayaan kebendaan terdapat lima bahagian dalam fungsi masyarakat yang meliputi sektor politik, sektor ekonomi, sektor pendidikan, sektor kekeluargaan dan sektor agama (Noran Fauziah Yaakub, 1987).

